




PERANCANGAN KEWANGAN NAOLI DANAOLI

SIRI 24

OLEH
PROF. MADYA
DR. NURADLI
RIDZWAN SHAH
MOHD DALI

Dalam siri lepas, saya telah menerangkan bagaimana seorang pelabur yang rasional membuat penilaian berdasarkan risiko dan pulangan dan juga asas kepada pembentukan sesebuah portfolio pelaburan. Sebelum kita memahami bagaimana cara untuk membentuk sesebuah portfolio pelaburan yang optimum, adalah lebih menarik untuk kita membincang tentang pengurusan portfolio itu dengan lebih santai agar mudah difahami. Mungkin pada siri-siri yang akan datang, kita boleh meneliti bagaimana kita boleh membuat pembentukan portfolio individu.



BIDANG
PENGURUSAN
PORTFOLIO
PATUH SYARIAH
INI ADA SUATU
BIDANG
PROFESIONAL
DAN INDIVIDU
YANG TERLIBAT
DIPANGGIL
PENGURUS
DANA.

Sebagai permulaan, pengurusan portfolio patuh syariah merujuk kepada proses merancang, mengurus, dan menilai pelaburan dalam pelbagai aset kewangan seperti saham patuh syariah, dana bersama patuh syariah atau *unit trust*, sukuk atau bon islamik, hartanah,



emas fizikal, Bitcoin atau instrumen kewangan lain. Ia melibatkan pemilihan aset patuh syariah, penilaian risiko, pemantauan prestasi pelaburan, serta penyesuaian portfolio mengikut objektif pelabur. Secara umumnya aset boleh terbahagi kepada dua kategori iaitu aset nyata dan aset kewangan. Contoh aset nyata adalah hartanah, emas dan lain-lain aset fizikal. Manakala aset kewangan adalah aset seperti saham, sukuk, dana amanah dan lain-lain aset yang berasaskan instrumen kewangan.

Bidang pengurusan portfolio patuh syariah ini ada suatu bidang profesional dan individu yang terlibat dipanggil pengurus dana. Kerjaya sebagai pengurus dana ini agak lumayan kerana tanggungjawab yang digalas juga besar. Pengurus dana diambil bekerja oleh institusi pelaburan dan kewangan dalam dan luar negara. Secara profesional, pengurusan portfolio juga merujuk kepada perkhidmatan yang disediakan oleh firma-firma pengurusan dana atau penasihat kewangan kepada pelanggan untuk membantu pelabur merancang dan mengurus pelaburan mereka dengan berkesan. Ini termasuk memilih aset yang patuh syariah, melakukan analisis pasaran, menguruskan

risiko, serta memberikan nasihat mengenai strategi pelaburan yang sesuai dengan matlamat kewangan individu atau institusi.

Dalam konteks individu pula, pengurusan portfolio boleh merujuk kepada pengurusan pelaburan individu dalam memastikan bahawa dana pelaburan disusun dengan bijak dan patuh syariah, mengambil kira matlamat kewangan seperti memastikan semua aset ialah aset yang patuh syariah, tahap risiko, dan jangka masa pelaburan.

Sebagai seseorang pelabur, kita akan berdepan dengan pelbagai jenis instrumen yang berbeza untuk dijadikan aset. Islam tidak melarang untuk kita membina kekayaan jika kekayaan diperolehi dari sumber yang halal. Di dalam proses pemilihan aset kekayaan, aset alokasi merujuk kepada proses menentukan cara pembahagian atau pengagihan dana pelaburan dalam pelbagai kelas aset kewangan seperti saham, sukuk, hartanah, dan lain-lain. Tujuan utama aset alokasi adalah untuk mencapai keseimbangan antara pulangan yang dijangka dan risiko yang diambil mengikut matlamat pelaburan individu atau institusi.



Proses aset alokasi melibatkan penilaian terhadap faktor-faktor seperti jangka masa pelaburan, tahap risiko yang boleh ditanggung, objektif kewangan, serta keadaan pasaran semasa. Contohnya, seseorang pelabur yang lebih muda mungkin akan memilih untuk mempunyai alokasi aset yang lebih berisiko seperti saham patuh syariah untuk memaksimumkan pertumbuhan pelaburan dalam jangka masa panjang, manakala seseorang pelabur yang lebih berumur mungkin akan memilih alokasi yang lebih konservatif dengan lebih banyak keutamaan kepada sukuk atau instrumen kewangan yang memberikan pendapatan tetap untuk mengurangkan risiko.

Sebagai contohnya jika seseorang individu itu mempunyai kekayaan sebanyak 100,000, adakah sesuai jika untuk dilaburkan di dalam satu jenis instrumen kewangan sahaja atau kepada beberapa jenis instrumen.

Aset alokasi di atas mewakili satu contoh portfolio yang di pelbagai dengan baik, yang mengandungi pelbagai kelas aset kewangan. Mari kita terangkan setiap aset alokasi:

Simpanan (20.00 peratus):

Ini merujuk kepada dana yang disimpan dalam akaun simpanan, seperti akaun simpanan biasa atau akaun simpanan tetap. Simpanan merupakan aset yang stabil dan mempunyai risiko yang rendah. Biasanya digunakan sebagai tempat penyimpanan dana yang mudah diakses atau untuk tujuan kecemasan.

Emas (20.00 peratus):

Emas adalah aset fizikal yang dianggap sebagai perlindungan terhadap ketidakstabilan ekonomi dan inflasi. Pelaburan dalam emas memberikan kepelbagaian kepada portfolio kerana emas mempunyai sifat yang berbeza dengan aset kewangan lain seperti saham atau bon.


Saham Patuh Syariah (20.00 peratus):

Ini merujuk kepada pelaburan dalam saham-saham yang mematuhi prinsip-prinsip syariah. Saham patuh syariah tidak mempunyai kepentingan dalam perniagaan haram seperti arak, riba, atau perjudian. Ini memberikan peluang pelaburan kepada individu yang mahu melabur dengan mematuhi prinsip agama mereka.

Sukuk (20.00 peratus):

Sukuk ialah instrumen kewangan Islam yang berbentuk bon atau sijil hutang. Sukuk beroperasi berdasarkan prinsip syariah dan memberikan pulangan tetap atau mengikut kadar yang ditetapkan. Sukuk memberikan diversifikasi tambahan kepada portfolio kerana mereka merupakan aset pendapatan tetap.

Aset Alokasi dalam Peratus



JIKA PELABUR MEMPERUNTUKKAN KESELURUHAN PELABURAN HANYA KEPADA SATU JENIS ASET, DAN JIKA BERLAKU PENURUNAN HARGA TERHADAP ASET TERSEBUT DISEBABKAN OLEH FAKTOR PASARAN, PELABUR AKAN MENGALAMI KERUGIAN YANG SANGAT BESAR.

Hartanah (20.00 peratus):

Pelaburan hartanah merujuk kepada pelaburan dalam hartanah komersial atau perumahan. Ini boleh termasuk pelaburan dalam hartanah fizikal atau dalam pelaburan hartanah yang tersedia melalui pasaran modal. Hartanah memberikan peluang untuk pertumbuhan modal jangka panjang dan pendapatan hasil sewa.

Dengan memperuntukkan 20 peratus daripada portfolio kepada setiap aset, portfolio ini menunjukkan tahap diversifikasi yang baik, mengurangkan risiko yang berkaitan dengan berlakunya kemungkinan perubahan pasaran tertentu. Sebagai contohnya jika pelabur memperuntukkan keseluruhan pelaburan hanya kepada satu jenis aset, dan jika berlaku penurunan harga terhadap aset tersebut disebabkan oleh faktor pasaran, pelabur akan mengalami kerugian yang sangat besar.

Walau bagaimanapun, contoh aset alokasi di atas adalah hanya bertujuan memberikan contoh mudah. Aset alokasi akan bergantung kepada toleransi risiko pelabur, keadaan pasaran dan keperluan kecairan pelabur pada masa akan datang. Peratusan mungkin berubah dan jenis aset mungkin berbeza bagi pelabur yang berbeza berdasarkan matlamat masing-masing. Di dalam contoh di atas, saya ada memberikan contoh aset nyata seperti hartanah dan emas sebagai sebahagian dari aset portfolio. Walau bagaimanapun, pengurusan portfolio adalah lebih mudah untuk diterangkan menggunakan aset kewangan sahaja berbanding kombinasi aset kewangan dan aset nyata. Hal ini, akan dikupas lebih lanjut dalam siri yang akan datang akan membahaskan tiga kategori aset kewangan iaitu pasaran wang, aset pendapatan tetap dan ekuiti atau saham yang patuh syariah.

PROFESOR MADYA DR. NURADLI RIDZWAN SHAH MOHD DALI ialah pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Muamalat serta Felo Penyelidik, Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI) Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai Negeri Sembilan. Beliau juga adalah Exco Persatuan Muamalat Malaysia (MMA)